

**TAWARAN SEBUTHARGA  
UNTUK KANTIN SEKOLAH DI BAWAH PENGURUSAN SYARIKAT  
IIUM SCHOOLS SDN BHD  
TENDER NO : ISSB/PD/T/2018(13)**

1. Tawaran adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia yang layak dan berpengalaman mengendalikan kantin sekolah dibawah pengurusan syarikat IIUM Schools Sdn Bhd bagi tempoh mulai dari **1 Januari 2019** hingga **31 May 2020 (15 bulan)**.

2. Jumlah anggaran pelajar dan juga kakitangan untuk tahun 2019 adalah seperti berikut:-

Jumlah Murid : 68  
Jumlah Kakitangan : 24

3. Pembida hanya ditawarkan dengan satu kafeteria sahaja. Tawaran ini dibuka untuk sebutharga bagi kategori A seperti berikut:-

Kategori	Jenis Tender	Pakej	Kadar Sewaan Tapak
A	Kafe 1	Khusus untuk menu makanan Asia Tenggara, Sub-Continent, Arab & Barat termasuk minuman	RM 150.00
<p><i>1) SEWA BULANAN TERMASUK UTILITI.</i></p> <p><i>2) BAGI CUTI SEMESTER SEKOLAH IAITU JUN DAN JULAI TERMASUK BULAN RAMADHAN KADAR SEWAAN TAPAK AKAN DIBERIKAN POTONGAN 50%</i></p> <p><i>3) <u>PEMBIDA HENDAKLAH MENCADANGKAN MENU DAN JUGA HARGA YANG AKAN DIKENAKAN BAGI SETIAP ORANG PELAJAR.</u></i></p> <p><i>4) BAYARAN DEPOSIT UNTUK 2 BULAN</i></p>			

4. Pembida dikehendaki **membeli borang** sebut harga dengan **harga RM50.00** bermula pada:-

Tarikh : **31 Oktober 2018 (Rabu)**

Waktu : **Antara 9.00 pagi**  
pejabat **hingga 4.00 petang**

**Dan TAMAT pada:-**

Tarikh : **8 November 2018 (Khamis)**  
**Pukul 4.00 petang**

Tempat : **International Islamic School  
Malaysia (Kuantan)  
IIUM Building Block A & D  
1M 7/3, Bandar Indera Mahkota  
Jalan Sultan Haji Ahmad Shah,  
25200 Kuantan, Pahang**

5. Pembida **wajib** untuk hadir bagi **sesi taklimat** seperti berikut:-

Tarikh : **9 November 2018 (Jumaat)**

Waktu : **3.00 petang**

Tempat : **International Islamic School  
Malaysia (Kuantan)  
IIUM Building Block A & D 1M  
7/3, Bandar Indera Mahkota,  
Jalan Sultan Haji Ahmad Shah,  
25200 Kuantan, Pahang.**

6. Setiap borang sebutharga yang dihantar hendaklah disertakan bersama-sama dokumen berikut:-
  - a) Senarai cadangan menu dan harga.
  - b) Salinan profile syarikat (termasuk borang 9, 24,49 untuk Sdn Bhd atau Sijil Penubuhan Syarikat untuk pemilikan tunggal – SSM).
  - c) Salinan penyata kewangan 3 bulan terkini.
  - d) Salinan fotostat **Sijil Kursus Pengendalian Makanan yang sah laku** (3 tahun dari tarikh menghadiri kursus)
  - e) Salinan fotostat **Suntikan Typhoid**.
7. Sebutharga dan dokumen-dokumen lain yang berkenaan hendaklah dihantar di dalam sampul surat dan bertanda “**SEBUTHARGA KANTIN DI IIUM SCHOOLS SDN BHD**” di bahagian atas sudut kiri dan dimasukkan ke dalam **KOTAK TENDER** pada atau sebelum **16 November 2018** selewat-lewatnya **jam 4.00 petang** di alamat seperti berikut:-

**PEJABAT PENGURUSAN,  
INTERNATIONAL ISLAMIC SCHOOL MALAYSIA (KUANTAN)  
IIUM BUILDING BLOCK A & D  
1M 7/3, BANDAR INDERA MAHKOTA,  
JALAN SULTAN HAJI AHMAD SHAH,  
25200 KUANTAN, PAHANG.**

8. Pembida yang tidak lengkap, tidak memenuhi syarat dan lewat tidak akan dipertimbangkan. Keputusan Jawatankuasa Sebutharga adalah muktamad.
9. Pihak Jawatankuasa Sebutharga tidak terikat untuk menerima sebutharga yang tertinggi atau sebaliknya. Jawatankuasa Sebutharga berhak menolak mana-mana sebutharga dengan tidak memberi sebarang sebab dan keputusan Jawatankuasa. Sebutharga adalah muktamad.
10. Pihak Jawatankuasa Sebutharga adalah berhak untuk membuat sebarang lawatan ke restoran yang berkenaan bagi pemeriksaan dan penilaian ujirasa makanan (*food testing*).
11. Pembida yang berjaya dipilih akan menerima surat tawaran daripada pihak pengurusan syarikat dan dikehendaki untuk hadir menandatangani surat perjanjian dengan seorang saksi dalam masa seminggu hari bekerja dari tarikh surat dikeluarkan dan dianggap menolak tawaran ini jika tidak hadir dalam tempoh berkenaan.
12. Segala perbelanjaan perjanjian tersebut termasuk duti setem ditanggung oleh pemohon itu sendiri.
13. Pembida yang berjaya hendaklah memastikan yang berikut:-
  - Menandatangani surat perjanjian dengan pihak IIUM Schools Sdn Bhd dan mematuhi arahan dan peraturan yang dikeluarkan oleh IIUM Schools Sdn Bhd dari semasa ke semasa berhubung dengan kantin, penyediaan dan penjualan makanan dan minuman dan apa-apa perkara lain yang berkaitan.
  - Lesen perniagaan yang sah diperolehi dari pihak yang berwajib. (MPK)

- Memastikan lesen perniagaan MPK dipamerkan sepanjang kantin beroperasi.
- Pengusaha kantin hendaklah memastikan penjualan makanan dan minuman di kantin adalah pada harga yang berpatutan dan mematuhi garis panduan dan arahan yang terkandung dalam Garis Panduan Kantin Sekolah yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dari semasa ke semasa.
- Makanan dan minuman yang disediakan hendaklah halal dan tidak berlawanan dengan kehendak-kehendak agama Islam.
- Barang-barang yang tidak halal adalah dilarang dihidangkan atau dijual di kantin sekolah.
- Makanan juga mestilah bersih, bermutu, berkhasiat dan selamat untuk dimakan.
- Pengusaha kantin bertanggungjawab sepenuhnya keatas setiap pekerja dan kakitangan yang mengurus dan mengendalikan kantin dan hendaklah memastikan mereka disahkan oleh Pegawai Perubatan sebagai sihat dan tidak berpenyakit dan tidak mempunyai apa-apa rekod jenayah yang menyebabkan mereka tidak sesuai untuk bekerja di kantin sekolah.
- Pengendali makanan mestilah berpakaian bersih, sopan dan lengkap semasa bertugas (memakai apron, sarung tangan, berkasut, penutup kepala, tiada luka yang terdedah).
- Memastikan kawasan persekitaran kantin, kemudahan lain sentiasa berada dalam keadaan bersih dan selamat.

*Procurement Department  
IIUM Schools Sdn Bhd  
25 Oktober 2018*